

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU**  
**[BARAM]**  
**TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 50**

**Y.B. TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk baik pulih/penyenggaraan bekas jalan balak yang telah dibaik pulih oleh Kerajaan terdahulu melalui MARRIS. Nyatakan dasar MARRIS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Asas pemberian dan skop penyelenggaraan adalah dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan Garis Panduan MARRIS yang berkuat kuasa.

Kategori jalan yang layak menerima peruntukan MARRIS adalah jalan yang diwartakan sebagai Jalan Negeri seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri iaitu jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan. Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online.

Selaras dengan persetujuan Majlis Kewangan Negara pada 27 Mei 2019, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS ditambah baik antaranya termasuk memperluaskan perbelanjaan yang dibenarkan untuk membiayai penyelenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak didaftarkan di dalam Sistem MARRIS *online* (seperti bekas jalan balak) serta perbelanjaan menaik taraf jalan/jambatan/parit/longkang dengan had tidak melebihi 15% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyelenggaraan tahun sebelumnya atau RM15 juta, yang mana terendah.